# PERPINDAHAN ILMU PERPUSTAKAAN PROGRAM LITERASI MAKLUMAT BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR LAGUNA MERBOK



## 9 September 2024

Aktiviti literasi maklumat memberi impak yang besar dalam membentuk pelajar yang lebih berdaya saing. Dengan penyertaan 70 orang murid yang terdiri dari Pengawas Pusat Sumber sekolah serta 5 orang guru dan dikendalikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah (Pustakawan Kanan). Program ini dijalankan sebagai usaha membentuk jalinan usahasama Perpustakaan Sultan Badlishah berkenaan perkongsian maklumat serta perpindahan pengetahuan. Melalui usaha untuk memberdayakan komuniti dan industri melalui program pemindahan dan perkongsian ilmu, maka program literasi sekolah bergerak seiring pembentukan budaya ilmu dikalangan pelajar-pelajar sekolah.




# PROGRAM KOMUNITI PERPUSTAKAAN BERSAMA NADI SUNGAI PIAL DAN PUSAT GIAT MARA JERAI



## 9 Oktober 2024

Modul ini khusus membantu komuniti setempat untuk meningkatkan tahap pengetahuan kaedah pencarian sumber maklumat serta bagaimana maklumat tersebut diurus serta disimpan. Seramai 28 orang peserta dari NADI Sungai Pial dan Pusat Giat MARA Jerai telah menyertai program ini yang disampaikan oleh pihak Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah. Program ini juga telah berjaya membina hubungan bersama pihak komuniti melalui tandatangan setuju terima kolaborasi dengan pihak NADI dan juga Giat MARA Jerai.



# PROGRAM KOMUNITI PERPUSTAKAAN BERSAMA MASJID ANDALUSIA, BANDAR LAGUNA MERBOK





## 19 Oktober 2024

Seramai 55 orang penduduk sekitar Masjid Andalusia, Bandar Laguna Merbok terdiri daripada pelajar sekolah menengah, guru, pelajar IPT, pesara dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta telah menyertai program ini. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Noor Azlin Abdullah, Pustakawan Kanan Perpustakaan Sultan Badlishah. Modul yang disampaikan bertajuk Tips & Tricks Mengurus Maklumat - Modul Asas Maklumat & Pengenalan Asas AI. Satu persetujuan kolaborasi telah ditandatangani dengan pihak Masjid Andalusia.



19  
BENGKEL TIPS & TRICKS MENGENAI MAKLUMAT :  
MODUL ASAS MAKLUMAT & PENGENALAN AI  
Masjid Andalusia, Masjid Andalusia  
Bandar Laguna Merbok, Sungai Petani



# PROGRAM LITERASI MAKLUMAT DENGAN KERJASAMA PTJ ISOS @ KOLEJ (ONE STUDENT ONE SESSION)



**15, 16 & 18  
Disember 2024**

Program ini adalah anjuran Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah. ISOS ini bertujuan menyebarkan maklumat perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar yang menginap di kolej kediaman. Seterusnya, pelajar dikongsikan dengan aktiviti seperti carian bahan melalui Online Database, ebook dan lain-lain lagi. Berlangsung dalam enam sesi (berlainan pelajar) pada 15, 16 & 18 Disember 2024 di Bilik Seminar Masria, Kolej Masria UiTM Cawangan Kedah. Waktu berlangsung adalah 10 pagi-12 tengah hari dan petang adalah 2.30-4.30 petang. Jumlah kehadiran adalah seramai 208 peserta.




# PROGRAM LITERASI MAKLUMAT DENGAN KERJASAMA PTJ ISOS @ KOLEJ (ONE STUDENT ONE SESSION)



## 19 Disember 2024

Program ini adalah anjuran Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah dengan Kerjasama Unit Kokurikulum. ISOS bertujuan menyebarkan maklumat perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar semester satu, dua dan tiga. Pelajar dikongsikan dengan aktiviti seperti carian bahan melalui Online Database, ebook dan lain-lain lagi. Jumlah Kehadiran adalah seramai 1322 peserta.




An illustration of a building with a flag, serving as a background for the quote. The building has a grid-like facade and a flag is visible on the right side.

**"Ilmu bukanlah dengan banyaknya riwayat. Ilmu tidak lain adalah sebuah cahaya yang Allah tempatkan di dalam hati."**

**IMAM MALIK**

# **PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN**

# PI 7: BILANGAN MUAT NAIK BAHAN IR



# PI 7: BILANGAN MUAT NAIK BAHAN IR

MENGIKUT NEGERI    MENGIKUT KATEGORI BAHAN


NEGERI	ARTICLE	AUDIO	BOOK	BOOK SECTION	CONFERENCE	ETR	MONOGRAPH	RESEARCH REPORTS	STUDENT PROJECT	TEACHING RESOURCE	THESIS	VIDEO	JUMLAH
Shah Alam	442	2	175	5	229	14	136	100	704	0	2,926	20	4753
Selangor	414	0	1	0	0	0	12	0	0	786	345	0	1559
Johor	18	0	9	244	2	10	24	0	335	0	319	0	961
Perak	108	0	2	1	224	0	398	0	12	77	80	0	902
Sarawak	5	0	0	0	1	16	185	13	412	0	213	0	845
Melaka	150	0	0	271	0	0	262	0	62	0	81	0	826
Negeri Sembilan	237	0	3	22	2	50	319	7	92	0	44	0	776
Pahang	0	0	0	0	1	0	0	0	208	226	324	0	759
Kedah	0	0	0	642	0	0	17	0	22	0	1	0	682
Perlis	82	0	0	138	0	0	192	0	49	187	14	0	662
Terengganu	14	0	0	0	0	1	0	2	28	0	604	0	649
Kelantan	25	0	1	0	2	0	186	47	0	361	9	0	633
Sabah	25	0	0	0	0	0	0	4	264	131	124	0	548
Pulau Pinang	62	0	0	0	12	0	146	1	77	170	0	0	468

## PI 7: BILANGAN MUAT NAIK BAHAN IR



Universiti Teknologi MARA Institutional Repository (UiTM IR) ialah pusat koleksi digital, bertindak sebagai repositori akses terbuka yang mengumpul, memelihara, dan menyebarkan hasil ilmiah oleh ahli universiti di Universiti Teknologi MARA (artikel jurnal, bab buku, buku, persidangan kertas kerja, tesis, kertas kerja, laporan teknikal, data dan jenis penerbitan penyelidikan lain dan juga manuskrip dan kertas kerja yang tidak diterbitkan). Pihak perpustakaan telah berusaha untuk memastikan semua koleksi harta intelek UiTM Cawangan Kedah berjaya dikumpul dan dimuatnaik kedalam repositori ini.



# PI 7: BILANGAN PENGUNJUNG MAYA PERPUSTAKAAN



# PI 7: BILANGAN PENGUNJUNG MAYA PERPUSTAKAAN




TAHUN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	JUMLAH
2023	4,195	1,369	1,579	2,427	3,015	2,540	3,074	927	1,184	<b>20,310</b>
2024	3,367	1,007	6,052	3,156	3,612	2,742	2,156	1,279	1,147	<b>24,518</b>

# PI 7: BILANGAN LAMAN WEB PERPUSTAKAAN UITM




# PI 7: BILANGAN LAMAN WEB PERPUSTAKAAN UITM



TAHUN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	JUMLAH
2023	9,378	2,917	3,344	6,248	10,546	10,243	6,555	1,549	1,861	<b>52,641</b>
2024	6,146	1,962	40,772	18,515	47,704	5,934	3,720	1,969	1,934	<b>128,656</b>

## PI 7: BILANGAN LAMAN WEB PERPUSTAKAAN UITM

Portal Web Perpustakaan merupakan satu medium akses kepada koleksi dan perkhidmatan digital perpustakaan. Pihak perpustakaan sentiasa berusaha untuk memastikan semua perkhidmatan digital sedia untuk diakses oleh para pengguna pada setiap masa. Para pengguna juga didedahkan dengan perkhidmatan ini melalui Kelas Kemahiran Maklumat dan juga promosi yang dilakukan melalui media sosial perpustakaan. Selain itu, pameran secara maya juga dilaksanakan melalui portal web perpustakaan bagi menarik minat para pengguna.



# BILANGAN ARTIKEL JURNAL YANG TELAH DIMUAT NAIK KE DALAM MYJURNAL

TAJUK JURNAL	Q1 (JAN – MAC)	Q2 (APR – JUN)	Q2 (APR – JUN)	Q2 (APR – JUN)	JUMLAH
Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)	16	14		29	59
Voice of Academia (VOA)	20		23		43
<b>JUMLAH</b>	<b>36</b>	<b>14</b>	<b>23</b>	<b>29</b>	<b>73</b>

## JOURNAL



Link to the Official Website of CPLT

Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT) is an international double blind peer reviewed online journal published twice a year (May and November) by Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah (UITM Kedah) and is indexed in ASEAN Citation Index (ACI), MyCite, MyJurnal, and Google Scholar. CPLT aims to provide a platform for academics, educators, planners, and teaching professionals to share their findings, critical scholarship, and creative practices that help to advance inquiry in language learning and teaching. Research papers within the scope of teaching and learning languages (spoken or non-spoken), and others that are deemed relevant to the journal, will also be considered.



Link to the Official Website of VoA

Voice of Academia (VOA) is a refereed journal of UITM Kedah which aims to inspire fellow academicians to share their ideas and expertise in the form of published writings. Voice of Academia (VoA) is a bi-annual academic journal with publications in January and June. VOA is indexed in MyCite, Google Scholar and MyJurnal. It publishes original manuscripts in business, economics, law, finance, information technology & information management, administrative & political science, education, Islamic studies and management. This journal welcomes academic work in the form of empirical papers, case studies, conceptual papers, theoretical synthesis and literature review.

An illustration of a building facade with a flag, serving as a background for the quote. The building has a grid-like pattern on its facade, and a flag is visible on the right side. The quote is overlaid on a semi-transparent grey box.

"Jika seorang mencari ilmu, maka itu akan tampak di wajah, tangan dan lidahnya serta dalam kerendahan hatinya kepada Allah."

HASAN AL-BASHRI

# REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI

# BENGKEL

## PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD

Unit ArkibUiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan Bengkel Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) pada 4 dan 5 Mac 2024, bertempat di Sudut IT PSB. Bengkel PTBR ini telah melibatkan jemputan kepada semua pusat tanggungjawab (PTJ) di kampus UiTM Cawangan Kedah.

Bengkel PTBR selama dua (2) hari berkenaan telah dibimbing oleh Puan Atirah Ruslan (Pustakawan Kanan), Puan Rozaini Yahaya (Pembantu Pustakawan Kanan) dan Encik Mohd Rostam Mohammad (Pembantu Pemuliharaan Kanan). Sebanyak 15 PTJ telah hadir di dalam sesi ini mengikut ketetapan tarikh penganjur. Bengkel PTBR telah dimulakan dengan taklimat slaid PTBR dan seterusnya sesi penyediaan data oleh para peserta bengkel. Bengkel PTBR telah diakhiri dengan sesi ucapan penutupan oleh Ketua Perpustakaan iaitu Puan Azizah Khasim. Semoga melalui pelaksanaan sesi bengkel yang telah dilaksanakan ini akan dapat membantu pihak Unit Arkib untuk Menyediakan satu panduan Pelan Bencana Rekod yang komprehensif.



### Objektif:

- Menyediakan data pelan tindakan bencana rekod
- Memastikan pejabat awam bersiap sedia untuk menghadapi bencana
- Mengaplikasi proses pelan tindakan bencana dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia.



## **PENYERAHAN REKOD PENTING FAIL PERIBADI PELAJAR**

Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah bertanggungjawab bagi perolehan rekod penting universiti yang bernilai selaras dengan Dasar Penilaian dan Perolehan Rekod Awam Arkib Negara Malaysia. UAC UiTM Kedah telah menerima sebanyak 30 kotak rekod penting universiti yang mengandungi fail peribadi pelajar daripada Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Penyerahan ini dilakukan oleh wakil BHEA pada 3 Januari 2024.



# **SAMBUTAN HARI ARKIB ANTARABANGSA PERINGKAT UiTM CAWANGAN KEDAH**

Sempena Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2024, Unit Arkib Perpustakaan Sultan Badlishah telah meraikan sambutan berkenaan pada 13 Jun 2024 di peringkat UiTM Cawangan Kedah dengan mengadakan beberapa aktiviti iaitu Taklimat Online Finding Archive, Booth Rujukan Bahan Arkib, Kursus Asas Pemuliharaan Bahan dan Taklimat Perkhidmatan Penjilidan.

Objektif program ini adalah bertujuan untuk (i) meraikan sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2024 Peringkat UiTM Cawangan Kedah, (ii) mendidik warga kampus mengenai koleksi rekod penting universiti, (iii) memberi pendedahan mengenai teknik-teknik pemuliharaan bahan dan (iv) menerangkan tentang perkhidmatan penjilidan yang ditawarkan kini.

Seramai 60 peserta telah hadir ketika sesi perasmian sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2024 Peringkat UiTM Cawangan Kedah.




# TAKLIMAT RUJUKAN BAHAN ONLINE FINDING ARCHIVE (OFA)

Pada 13 Jun 2024 sempena Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2024 Peringkat UiTM Cawangan Kedah, pihak Unit Arkib telah mengadakan sesi taklimat rujukan bahan Online Finding Archive (OFA) kepada para pelajar daripada Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM).

Objektif taklimat ini adalah untuk

- memperkenalkan Unit Arkib Cawangan kepada para hadirin
- menerangkan mengenai perkhidmatan rujukan bahan arkib
- memberi pendedahan mengenai sistem Online Finding Archive (OFA).

Sesi ini dikendalikan oleh Puan Atirah Ruslan, Pustakawan Kanan dan Encik Rosdi Hamad Rodzi, Pembantu Pustakawan Kanan di Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah.



# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB

Program Libat Urus Unit Arkib, Perpustakaan Sultan Badlishah dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan P1 2 : Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Jabatan Bersama Pusat Tanggungjawab. Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pegawai UAC membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan dan memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada PTJ.

Objektif pelaksanaan sesi libat urus ini adalah untuk mewar warkan dan mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Arkib dan berkongsi ilmu dan maklumat mengenai pengurusan rekod dan arkib secara bersemuka kepada para peserta.

Pihak UAC telah melaksanakan beberapa siri libat urus bersama PTJ. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2024, pihak UAC telah melaksanakan 4 siri libat urus bersama 4 PTJ.

# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB

BIL.	FAKULTI	TARIKH	MASA	TEMPAT	KEHADIRAN
1	Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri	15/05/2024	11.00 Pg – 1.00 Ptg	Bilik Mesyuarat PJI	5
2	Bahagian Infostruktur	16/05/2024	11.00 Pg – 1.00 Ptg	Smart Classroom P5	12
3	Pejabat Rektor	20/05/2024	10.00 Pg – 12.00 Tgh	Bilik Mesyuarat Utama	6
4	Unit Sukan	24/06/2024	11.00 Pg – 1.00 Ptg	Bilik Mesyuarat Unit Sukan	7
5	Unit Penilaian & Pentaksiran Akademik (UPPA)	22/9/2024	2.30 Ptg – 4.30 Ptg	Bilik Mesyuarat HEA	7
6	Unit Kesihatan	23/9/2024	10.00 Pg – 12.00 Tgh	Bilik Mesyuarat Unit Kesihatan	6

# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB

BIL.	FAKULTI	TARIKH	MASA	TEMPAT	KEHADIRAN
7	Unit Resideni & Hospitaliti Pelajar (URHP)	23/09/2024	11.00 Pg – 1.00 Ptg	Bilik Mesyuarat URHP	11
8	Hal Ehwal Pelajar (HEP)	24/09/2024	10.00 Pg – 12.00 Tgh	Bilik Mesyuarat HEP	11
9	Unit Pentadbiran Rekod Pelajar (UPRP)	24/09/2024	2.30 Ptg – 4.30 Ptg	Dewan Sarjana 2	12
10	Bahagian Pengurusan Fasiliti	29/09/2024	10.30 Pg – 12.30 Tgh	Bilik Mesyuarat BPF	8
11	Perpustakaan Sultan Badlishah	29/09/2024	10.30 Pg – 12.30 Tgh	Bilik Mesyuarat BPF	12
12	Bahagian Pentadbiran	30/9/2024	10.00 Pg – 12.00 Tgh	Bilik Mesyuarat PJIM&A	8

**Bah. Penyelidikan & Jaringan Ind.**  
**Research & Ind. Linkages Div**



**15**  
**15**  
**2024**  
**LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD & ARKIB**  
**BERSAMA UAC CAW. KEDAH & BAHAGIAN PJI**  
 Bilik Mesyuarat P.11  
 UITM Cawangan Kedah



**15**  
**15**  
**2024**  
**LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD & ARKIB**  
**BERSAMA UAC CAW. KEDAH & BAH. INFOSTRUKTUR**  
 Smart Classroom P5, Bangunan Pentadbiran  
 UITM Cawangan Kedah



**20**  
**20**  
**2024**  
**LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB**  
**BERSAMA UAC UITM CAW. KEDAH & PEJ. REKTOR**  
 Bilik Mesyuarat Ulama, Bangunan Pentadbiran  
 UITM Cawangan Kedah



**22**  
**22**  
**2024**  
**LIBAT URUS UNIT PENILAIAN & PENTAKSIRAN AKADEMIK**  
 Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Akademik  
 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah



**22**  
**22**  
**2024**  
**LIBAT URUS UNIT PENILAIAN & PENTAKSIRAN AKADEMIK**  
 Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Akademik  
 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah



**23**  
**23**  
**2024**  
**SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB**  
**BERSAMA UNIT KESIHATAN**  
 Bilik Mesyuarat, Unit Kesihatan  
 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah



**SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR**  
Bilik Mesyuarat, Unit Residen & Hospitaliti Pelajar  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah



**SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**  
Bilik Mesyuarat, Bahagian Hal EHWAL Pelajar  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah



**SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA UNIT PENTADBIRAN REKOD PELAJAR**  
Dewan Sarjana 1  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah



**SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN PENTADBIRAN**  
Bilik Mesyuarat, Bahagian Pentadbiran  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah



**SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI & PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH**  
Bilik Mesyuarat, Bahagian Pengurusan Fasiliti  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

# AKTIVITI RUJUKAN BAHAN ARKIB

## BOOTH RUJUKAN BAHAN ARKIB



**6 Jun 2024**

Sempena berlangsungnya Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU) 2024 bertempat di Dewan Seri Jerai UiTM Cawangan Kedah, pihak Unit Arkib Perpustakaan Sultan Badlishah telah membuka booth rujukan bahan arkib sebagai usaha untuk mempromosikan rujukan bahan arkib kepada para hadirin program ESKU. Para hadirin dapat melihat pelbagai koleksi bahan rujukan yang tersedia seperti koleksi gambar, koleksi audio, koleksi penerbitan, koleksi peta dan sebagainya. Para hadirin juga turut diberi penerangan mengenai Online Finding Archive (OFA)




# AKTIVITI RUJUKAN BAHAN ARKIB

## PAMERAN BAHAN ARKIB



**13 Jun 2024**

Antara inisiatif pihak Unit Arkib Perpustakaan Sultan Badlishah untuk meningkatkan statistik rujukan bahan arkib, satu pameran telah diadakan. Pameran ini mempamerkan koleksi bahan arkib yang terdapat di Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah. Antara bahan pameran yang dipamerkan adalah koleksi gambar, koleksi audio, koleksi penerbitan, koleksi peta dan sebagainya. Melalui pameran ini, sebanyak 145 rujukan bahan telah dicapai.




# PENYERAHAN BAHAN HARTA INTELEK PROJEK PELAJAR



**28 Mei 2024**

Pihak PSB telah menerima sejumlah penyerahan bahan harta intelek – Projek pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat. Koleksi yang diterima ini akan ditapis dan seterusnya dimuat naik ke sistem UiTM Institutional Repository untuk rujukan pengguna.



# **BENGGEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL KEPADA PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ) UiTM CAWANGAN KEDAH, CAWANGAN PERLIS DAN CAWANGAN PULAU PINANG**

Pada 3-4 September 2024 telah berlangsung satu Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail Kepada Pembantu Tadbir Rekod Jabatan UiTM Cawangan Kedah, Cawangan Perlis dan Cawangan Pulau Pinang bertempat di PTAR UiTM Pulau Pinang. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membangunkan semula sistem klasifikasi fail yang serta menerangkan cara pelaksanaan migrasi sistem klasifikasi fail lama ke sistem klasifikasi baharu iaitu fail Urusan Am dan fail Urusan Fungsian. Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail ini telah dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Puan Azniza Hj Mohamed Noor, Penolong Pendaftar Kanan daripada Bahagian Arkib Universiti.

Bengkel dua (2) hari ini telah dihadiri seramai 25 orang peserta daripada UiTM Cawangan Kedah. Hasil dari bengkel ini senarai klasifikasi fail yang telah dibuat pemetaan semula akan diserahkan kepada pihak Jabatan Arkib Universiti untuk semakan sebelum diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia untuk semakan dan pengesahan sebelum boleh digunapakai sepenuhnya.

Pihak penganjur berharap agar pembangunan sistem klasifikasi fail yang baharu dapat dilaksanakan serta proses migrasi sistem klasifikasi fail lama ke sistem klasifikasi fail yang baharu berjalan lancar.




**PERKULIAHAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**BENKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL KEPADA PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ)**  
*UiTM Cawangan Pulau Pinang, Cawangan Kedah dan Cawangan Perlis*


**PENERAMAH**  
 Puan Azniza Binti Mohamad Nor  
 Penolong Pendaftar Kanan  
 Unit Perkhidmatan Rekod  
 Bahagian Arkib Universiti  
 PTAR Shah Alam

- 3-4 September 2024
- 8.30 pagi - 4.30 petang
- Ruang LCE, PTAR  
UiTM Cawangan Pulau Pinang




# MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN DAN KESELAMATAN REKOD NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2024

Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil 24/2023 pada 04 Oktober 2023 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Rekod Negeri (JKPRN). Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk menentukan dasar, halatuju dan strategi berhubung program pengurusan rekod Universiti di peringkat UiTM cawangan.

Pada tarikh 18 Ogos 2024, Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Rekod Negeri (JKPRN) Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YBr. Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Dr Junaida Ismail. Ahli mesyuarat terdiri daripada Timbalan Ketua Pustakawan, Timbalan Pendaftar Kanan, Timbalan Bendahari, Jurutera Kanan, Pegawai Teknologi Maklumat, Pegawai Keselamatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Rekod Negeri (JKPRN) Bilangan 1 Tahun 2024 telah membincangkan beberapa agenda seperti berikut:-

## **BAHAGIAN B – DASAR DAN POLISI**

B0001 : Pemakluman dan Terma Rujukan JKPRKN

B0002 : Pemakluman Punca Kuasa Pengurusan dan Keselamatan Rekod

## **BAHAGIAN C – PENGURUSAN REKOD**


C0001 : Cadangan Pelan Tindakan Bencana Rekod UiTM Cawangan Kedah

## **BAHAGIAN D – PENGURUSAN ARKIB**


D0001 : Penyerahan Rekod-rekod Penting Universiti dan Punca Kuasa

D0002 : Laporan Program Libat Urus Bersama PTJ


D0003 : Ruang Arkib UiTM Cawangan Kedah



# KOLEKSI BAHAN UNIT ARKIB UITM CAWANGAN KEDAH




# PENERIMAAN REKOD PENTING UNIVERSITI



Bagi tahun 2024, penetapan sasaran bagi KPI 2: Bilangan Rekod Penting Universiti telah disasarkan sebanyak 1,000 bahan rekod penting.

Bagi tempoh antara Januari 2024 sehingga Jun 2024, Unit Arkib UiTM Cawangan Kedah telah melaksanakan proses muatnaik bahan rekod penting ke Archive Management System (AMS) sebanyak 541 bahan. Bahan-bahan ini merupakan fail peribadi pelajar yang telah diterima daripada Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Kedah pada 3 Januari 2024 lalu.

# ARTIKEL BAHAN INDEXING



Bagi tahun 2024, jumlah muatnaik artikel bahan indexing bagi kampus UiTM Cawangan Kedah sehingga Jun 2024 adalah sebanyak 115 bahan. Jumlah muatnaik bahan penulis UiTM – 13 bahan  
Jumlah muatnaik bahan penulis bukan UiTM – 112 bahan

# PENAMBAHBAIKAN PROSES KOMUNIKASI PERKHIDMATAN PENJILIDAN



Selaras dengan Pekeliling Ketua Pustakawan Bil.1/2023 – Kadar Caj Bayaran Perkhidmatan Penjilidan PUiTM yang telah berkuatkuasa pada 7 Mac 2023, UAC UiTM Cawangan Kedah turut menawarkan perkhidmatan penjilidan kepada warga UiTM.


Pelaksanaan perkhidmatan penjilidan ini pastinya melibatkan komunikasi antara kakitangan UAC bersama kakitangan daripada unit yang berbeza. Hal ini akan berlaku apabila kakitangan daripada unit yang berada di kaunter hadapan perlu memaklumkan kepada kakitangan UAC berhubung penerimaan perkhidmatan penjilidan yang dimohon oleh warga kampus, kebiasaannya melalui kaunter Unit Pembelajaran Digital. (UPD)

Sebagai usaha untuk menambahbaik proses komunikasi antara kakitangan UAC dan kakitangan UPD, satu loceng (wireless door bell) telah ditempatkan di kaunter UPD. Loceng ini akan dibunyikan setiap kali terdapat permohonan penjilidan oleh warga kampus di kaunter UPD.

Kewujudan loceng ini membantu aspek proses komunikasi tanpa perlu dihubungi melalui talian telefon yang lebih memakan masa.

Sepanjang penggunaan loceng ini pada tahun 2024, penjanaan penjilidan yang telah dijana bagi tempoh Januari 2024–Mac 2024 adalah sebanyak RM 205.60.



An illustration of a school building with a flag. The building has a tiled roof and several windows. A flag is flying on a pole to the right. The background is a light blue sky. The illustration is in a sketchy, hand-drawn style.

"Pendidikan adalah apa yang tersisa  
setelah melupakan semua yang dia pelajari  
di sekolah."

ALBERT EINSTEIN


# LAWATAN

# LAWATAN UNIVERSITAS BRAWIJAYA, INDONESIA



**15 Januari 2024**

Lawatan dari Universitas Brawijaya, Kota Malang, Indonesia ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.




# LAWATAN SEKOLAH MAAHAD AL EHYA ASSHARIFF, PERAK



**23 Januari 2024**

Lawatan sambil belajar oleh 48 orang pelajar dan 2 orang guru dari bidang Sains dan Matematik, Sekolah Maahad Al Ehya Asshariff ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar meneroka kemudahan dan fasiliti universiti serta memupuk minat mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.



# LAWATAN SEKOLAH KEBANGSAAN HAJI ABDULLAH SADUN, KEDAH



1 Februari 2024

Lawatan Sekolah Kebangsaan Haji Abdullah Sadun, Kuar Jawa, Alor Jangus, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Seramai 36 orang pelajar tahun 6 dan 6 orang guru turut serta dalam lawatan ini.



# LAWATAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' WAN MOHD SAMAN, KEDAH



**6 Februari 2024**

Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Wan Mohd Saman, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh pihak perpustakaan kepada para pelajar. Seramai 39 orang pelajar dan 5 orang guru turut serta dalam lawatan ini.



# LAWATAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR



**15 Februari 2024**

Lawatan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Kedah, 8 orang wakil menghadiri pertemuan dengan Ketua Perpustakaan di Perpustakaan Sultan Badlishah.



# LAWATAN PENOLONG NAIB CANSOLOR UiTM



**15 Februari 2024**

Sekitar sesi lawatan oleh Penolong Naib Canselor, Prof. Dr Shahrman Zainal Abidin di Perpustakaan Sultan Badlishah. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di UiTM Cawangan Kedah.




# LAWATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



**26 Februari 2024**

Pihak Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima lawatan daripada Perpustakaan Negara Malaysia.



## LAWATAN TEMU MESRA NAIB CANSELOR UiTM

UiTM Cawangan Kedah berbesar hati menerima kunjungan Ybhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin FASc pada 3 Mac 2024 bersamaan 22 Syaaban 1445H. Susun atur lawatan telah diakhiri dengan lawatan ke Perpustakaan Sultan Badlishah. Kunjungan ini telah disambut oleh Pn. Azizah Khasim (Ketua Perpustakaan) bersama-sama dengan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Kedah serta kakitangan perpustakaan.

YBhg. Prof. Datuk telah dibawa melihat galeri pencapaian dan kejayaan perpustakaan hasil dari aktiviti inovasi semenjak penubuhan perpustakaan sehingga kini.

Penerangan dan demonstrasi penggunaan eView iaitu alat bantu pengajaran bagi pelajar OKU penglihatan yang telah berjaya memenangi Juara Keseluruhan Inisiatif Kecemerlangan Operasi (OE) sempena Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM 2023 juga turut dibuat.

YBhg. Prof. Datuk telah memberi idea penambahbaikan kepada alat tersebut.

YBhg. Prof. Datuk juga mencadangkan pihak PSB untuk mendapatkan koleksi buku-buku tulis jawi dari ulama-ulama Kedah dan tokoh-tokoh agama terkenal di Kedah bagi memelihara ilmu yang ada dari hilang begitu sahaja dan pemerksaan jawi perlu dibuat disemua peringkat. YBhg. Prof. Datuk juga berbangga dengan hasil kreativiti PSB dalam penggunaan ruang dan hasil kerja kakitangan perpustakaan dalam menjimatkan kos operasi serta telah mencadangkan untuk dipertandingkan di dalam KIK atau Operational Excellent UiTM.

PSB amat berbesar hati atas kunjungan YBhg. Prof. Datuk dan mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian meluangkan masa beramah mesra serta berkongsi ilmu dan pengalaman.



**LAWATAN TEMU MESRA NAIB CANSelor UTM  
PROF. DATUK DR. SHAHRIN SAHIBSAHIBUDDIN**  
Perpustakaan Sultan Badlishah  
UiTM Cowangon Kedah



# LAWATAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MERGONG, KEDAH



**17 April 2024**

Lawatan sambil belajar kepada kumpulan pelajar Cemerlang SPM 2024 ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah. Seramai 40 orang pelajar dan 5 orang guru turut serta dalam lawatan ini.




# LAWATAN SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN, PERAK



20 Mei 2024

Lawatan sambil belajar dari Sekolah Tuanku Abdul Rahman ke Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah. Seramai 15 orang pelajar dan 2 orang guru turut serta dalam lawatan ini.



# LAWATAN PERPUSTAKAAN ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY (AIU), KEDAH



**29 Mei 2024**

Perpustakaan Sultan Badlishah (UiTM Kedah) dan Perpustakaan Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU) telah mengadakan perbincangan jalinan kerjasama. Matlamat utama perbincangan ini ialah untuk membina kerjasama antara kedua-dua perpustakaan dan mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan sumber elektronik yang disediakan kepada pelanggan Perpustakaan Sultan Badlishah.



# LAWATAN PERPUSTAKAAN ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY (AIU), KEDAH



12 Jun 2024

Pihak Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menerima lawatan Dr. Safirotu Khoir, Pensyarah Kanan dari Universitas Gadjah Mada. Lawatan ini telah berlangsung selama 1 jam.




# LAWATAN PEMANGKU BENDAHARI



**1 September 2024**

Sekitar sesi lawatan oleh Pemangku Bendahari, YBRS. Cik Junita Binti Jamaludin C.A. (M), ACMA, CGMA di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.








"Pendidikan mempunyai akar yang pahit,  
tapi buahnya manis."

ARISTOTELES

# KOLABORASI

## MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & SMARTLAB SDN BHD



UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Persefahaman Bersama SmartLab Sdn Bhd. Dokumen MoU ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dr Roshima Hj. Said manakala wakil SmartLab Sdn Bhd, YM Raja Mokhzani Raja Fauzi (Training Manager). Majlis tandatangan Memorandum Persefahaman diadakan pada 18 Februari 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Pusat Pengajian Sains Komputer, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM) dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



## **MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & MATHS PROOFREAD (MPR)**

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Persefahaman Bersama Maths Proofread (MPR). Dokumen MoU ditandatangani oleh Dr. Junaida Ismail dan Prof. Madya Ts. Dr. Azhari Md Hashim manakala wakil Maths Proofread (MPR), Shamsudin Yassin (CEO) dan Dr. Sharina Ismail (Chief Editor).

Majlis tandatangan Memorandum Persefahaman diadakan pada 12 Mei 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB) dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



# MAJLIS TANDATANGAN NOTA KERJASAMA (NOU) ANTARA UiTM KEDAH & JABATAN PENDIDIKAN (JPN) NEGERI KEDAH

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Nota Kerjasama Bersama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Dokumen NoU ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dr Roshima Hj. Said (Rektor) manakala wakil Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Tuan Haji Ismail Othman (Pengarah).

Majlis tandatangan Nota Kerjasama diadakan pada 19 Mei 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Pusat Pengajian Pengkomputeran, KPPIM UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.



25th Anniversary  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Majlis Menandatangani NoU antara

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA & KEMENTERIAN PENDIDIKAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

MEI  
9:30 PAGI 19 2024

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

UITM *لومبا بريميا*  
<https://web.library.uitm.edu.my>  
Perpustakaan Sultan Badlishah  
Perpustakaan Sultan Badlishah  
UITM Cawangan Kedah Channel


# PAMERAN MOKU-ZOGAN

## **APLIKASI TEKNIK MOKU-ZOGAN JEPUN DALAM REKA BENTUK PERABOT MALAYSIA: POTENSI USAHAWAN REKA BENTUK SILANG BUDAYA**

Moku-Zogan adalah teknik ukiran kayu tradisional Jepun yang melibatkan penggunaan inlay atau penyisipan kepingan kayu, logam, atau bahan lain ke dalam permukaan kayu untuk mencipta reka bentuk yang rumit dan artistik. Teknik ini telah digunakan selama berabad-abad dalam pembuatan perabot, perhiasan, dan objek seni di Jepun. Penggunaan teknik ini bukan sahaja memerlukan kemahiran yang tinggi tetapi juga pemahaman yang mendalam tentang material dan estetika tradisional Jepun.



Integrasi Budaya telah menggabungkan teknik Moku-Zogan dengan elemen-elemen tradisional Malaysia dalam menghasilkan perabot yang unik dan inovatif, dengan menggabungkan dua budaya. Manakala dari nilai estetika dan kualiti, teknik Moku-Zogan mempunyai nilai-nilai yang tinggi dalam pemahaman budaya Jepun dan Malaysia. Pembelajaran kemahiran, dalam proses reka bentuk dalam teknik ini ke dalam proses pembuatan perabot membuka peluang dari segi aspek keusahawanan dan inovasi baharu dalam pembuatan perabot.

Pembangunan Usahawan Reka Bentuk dari segi menilai peluang untuk mengembangkan sektor keusahawanan dalam bidang reka bentuk perabot, dengan fokus pada penggunaan teknik Moku-Zogan sebagai nilai tambah. Menganalisis permintaan pasaran untuk perabot yang menggunakan teknik Moku-Zogan, terutama dalam kalangan pengguna yang menghargai seni dan kualiti tinggi. Pendidikan dan Latihan dalam mengintegrasikan pengetahuan ini dalam kursus reka bentuk dan pembuatan perabot dalam konteksnPotensi Keusahawanan dalam Rekaan Silang Budaya



# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & UNIVERSITAS BRAWIJAYA, INDONESIA

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Perjanjian bersama Universitas Brawijaya, Indonesia. Objektif majlis ini adalah untuk menetapkan terma dan syarat program pertukaran timbal balik kakitangan dan pelajar antara kedua-dua universiti. Majlis tandatangan Memorandum Perjanjian telah diadakan pada 26 Mei 2024 bertempat di Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Fakulti Pengurusan Perniagaan dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



# **PROGRAM MEMPERKASA WARGA UITM KEDAH** **“BE ALERT, BE SMART AND STAY SAFE” BERSAMA MCMC**

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik, Bahagian Pentadbiran dan Perpustakaan Sultan Badlishah dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Negeri Kedah.

Program ini telah diadakan pada ketetapan berikut :

Tarikh : 27 Mei 2024 (Isnin)

Masa : 8.00 pagi – 2.30 petang




Tempat : Dewan Seri Jerai



## HARI SIHAT UiTM CAWANGAN KEDAH SIRI KE-4

Sekitar Program Hari Sihat UiTM Cawangan Kedah "BRISK WALK: Siri4" yang diadakan di ruang lobi Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah bersama warga UiTM Kedah pada 29 Mei 2024, jam 5.00 petang - 5.30 petang.




Program Hari Sihat dilaksanakan pada setiap hari Rabu bagi menggalakan warga UiTM mengamalkan gaya hidup sihat dengan aktiviti berjalan, berzumba dan lain-lain aktiviti atas idea penganjur.



# MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & ZINON FOOD INDUSTRY SDN BHD

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) pada 4 Jun 2024 telah dimeterai bersama dengan industri, kali ini bersama dengan Zinon Food Industry Sdn Bhd. Semoga dengan kolaborasi ini, ilmu dan strategi keusahawanan dapat diperhebatkan lagi dikalangan para pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Kedah.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berusaha En. Zinol 'Abidin Daud, Pengurus Besar dan Yang Berusaha Pn . Hashmah Hj Ramli, Penolong Pengurus, Zinon Food Industry Sdn Bhd di atas kesudian berkerjasama dengan UiTM Cawangan Kedah.





# MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & UNIVERSITAS AIRLANGGA (UNAIR), SURABAYA, INDONESIA

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah pada 9 Jun 2024 di atas kejayaan memeterai 5 buah Memorandum Perjanjian (MOA) bersama rakan strategik, Universitas Airlangga (UNAIR), Surabaya, Indonesia.

MOA yang merupakan perjanjian kolaborasi Research Agreement akan dijalankan bersama oleh para pensyarah daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah dan Fakultas Vokasi, UNAIR, Indonesia.

Sekalung penghargaan kepada YBrs. Profesor Anwar Maruf, Dekan Fakultas Vokasi dan YBrs. Dr. Rahmat Yuliawan, KPS Fakultas Vokasi, UNAIR, di atas kesudian berkunjung ke kampus Cawangan Kedah, bagi menyempurnakan acara menandatangani MOA ini.



# TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN BERKESAN ELAKKAN KEBERHUTANGAN SERIUS

Taklimat Pengurusan Kewangan Berkesan: Elakkan Keberhutangan Serius pada 10 Jun 2024 anjuran Pejabat Bendahari dan Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman.

Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan dan info berkaitan pengurusan kewangan yang berkesan serta mengelakkan keberhutangan serius yang menjurus kepada kebankrapan.



**25** UTM  
25th Anniversary

**Pengurusan Kewangan Berkesan  
ELAKKAN KEBERHUTANGAN SERIUS**

Memberi pendedahan dan info berkaitan pengurusan kewangan yang berkesan dan mengelakkan kebertutangan serius yang menjurus kepada kebangkrapan.

10 Jun 2024  
2:00 PM - 4:00 PM

Dewan Seri Jerai  
UTM Cawangan Kedah

**Encik Anuar Ahmad**  
Pegawai Insolvency Kanan 1

anjurkan bersama  
Pejabat Bankruptcy dan  
Insolvency Administration,  
UTM Cawangan Kedah  
dengan kerjasama  
Jabatan Insolvency Malaysia,  
Cawangan Kedah Darul Aman

## **MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & IT CHENTA ENTERPRISE**

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) bersama IT Chenta Enterprise. Majlis tandatangan diadakan pada 31 Julai 2024 bertempat di Bilik Seminar Kaunseling, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



# CAHAYA AIDILADHA

## SETULUS PENGORBANAN, SEIKHLAS PEMBERIAN

Pada tarikh 2 Julai 2024, satu program istimewa iaitu Program Cahaya Aidiladha : Setulus Pengorbanan, Seikhlas Pemberian telah diadakan di Dewan Seri Jerai. Acara ini telah berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Bank Rakyat, yang diwakili oleh Yang Berusaha Encik Muhammad Zaki bin Abd Rahman, Pemangku Ketua Wilayah Kedah, Perlis & Pulau Pinang serta pengurus-pengurus cawangan. Terima kasih di atas kesudian untuk berkerjasama dan berkongsi rezeki dengan UiTM Cawangan Kedah, untuk kesekian kalinya.

Bank Rakyat Cawangan Sungai Petani dan UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Pejabat Bendahari, Perpustakaan Sultan Badlishah dan Unit Hal Ehwal Islam telah menjayakan program Cahaya Aidiladha 1445H.

Majlis ini, menyaksikan penyerahan 483kg daging korban dan barangan keperluan kepada penerima terdiri daripada kakitangan dan pelajar kampus. Bank Rakyat juga telah sudi berkongsi rezeki menyumbangkan RM25,000.00 bagi dimanfaatkan untuk kebajikan warga kampus.

Semoga ibadah qurban yang dijalankan ini dapat memberi manfaat dan kebahagiaan kepada semua warga kampus.



**CAHAYA AIDILADHA  
SETULUS PENGORBANAN, SEIKHLAS PEMBERIAN**  
Dewan Seri Jeloi  
UiTM Cowangari Kedah



# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UiTM KEDAH & IT CHENTA ENTERPRISE

UiTM Cawangan Kedah telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) bersama IT Chenta Enterprise. Majlis tandatangan diadakan pada 31 Julai 2024 bertempat di Bilik Seminar Kaunseling, UiTM Cawangan Kedah dan diuruskan oleh Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah.



# **PROGRAM PENANAMAN BAKAU**

## **PROGRAM PENANAMAN BAKAU DI HUTAN SIMPAN SUNGAI MERBOK (NATURE CONSERVATION)**

Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) dan Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK), Paramount Property dan Cinta Sayang Resort telah menganjurkan program Penanaman Bakau Di Hutan Simpan Sungai Merbok (Nature Conservation) pada 22 Ogos 2024, berlangsung dari jam 7.30 pagi hingga 1.00 petang. Lokasi program ini di Kompartmen 11, Hutan Simpan Kekal, Sungai Merbok.

Program ini telah disertai oleh 70 peserta sukarela dari 4 organisasi yang terlibat. Semua peserta berkumpul di Jerai Geopark Semeling (Jeti Semeling) untuk sarapan dan juga taklimat tentang tentatif program serta teknik penanaman bakau. Etika pemakaian kasut juga diterangkan bagi memudahkan pergerakan di kawasan selut bakau disamping aspek keselamatan yang perlu diberi perhatian semasa bergerak ke lokasi penanaman bakau. Peserta dibawa menaiki bot yang telah disediakan oleh pihak MPSPK.




**PROGRAM PENANAMAN BAKAU DI HUTAN SIMPAN SUNGAI MERBOK (NATURE CONSERVATION)**  
 Kompartmen 11, Hutan Simpan Kecil Sungai Merbok



**25**

 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYA

# PENANAMAN BAKAU SUNGAI MERBOK (Nature Conservation)

Sarapan pagi & makan tengah hari disediakan

- 📅 22 Ogos 2024 (Khamis)
- 🕒 7.15 pagi - 12.00 tengah hari
- 📍 Hutan Simpan Paya Bakau Sungai Merbok
- 🎁 T-shirt dan sijil disediakan


Anjuran bersama: Institut Teknologi Industri, Komuniti dan Alumni (IKAN) dan Persekitaran Sultan Badlishah, UTM Cowangjaya Sebah.

Dengan kerjasama: Muzium Perikanan Sungai Perani Kedah (MPSPK)



## **MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UiTM KEDAH & MASJID AL-BUSYRA MERBOK**

